

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Pelan Pengurusan COVID-19

5 strategi hadapi lonjakan kes

Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan lima strategi bagi menghadapi lonjakan semula kes COVID-19 yang mencecah lebih 20,000 kes pada minggu epidemiologi ke-50 iaitu dari 10 hingga 16 Disember lalu. Bagaimanapun, Menteriya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata KKM tidak bercadang memperkenalkan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan peningkatan kes COVID-19 seperti dilakukan ketika kemuncak penularan virus itu pada 2020 dan 2021.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Samadi Ahmad → Nasional 6, 7



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Lonjakan kes COVID-19

KKM umum lima strategi hadapi kenaikan jangkitan

Menteri sahkan tiada cadangan laksana semula Perintah Kawalan Pergerakan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) semalam mengumumkan lima strategi di bawah Pelan Pengurusan COVID-19 untuk menghadapi lonjakan semula kes COVID-19 yang mencecah lebih 20,000 kes pada minggu epidemiologi ke-50 iaitu 10 hingga 16 Disember lalu.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya tidak bercadang melaksana semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti dilakukan ketika kemuncak penularan virus itu pada 2020 dan 2021.

Strategi pertama, melaksanakan pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2.

Menerusi strategi itu, semua pesakit ke hospital dipantau rapi, selain kes Pernaafasan Akut Teruk (SARI) atau Influenza Like Illness (ILI) dan surveilans air kumbahan dalam komuniti dan pintu masuk antarabangsa.

Strategi kedua, pemerikasaan komuniti melalui amalan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform,

and Seek).

"Lakukan ujian sendiri sekiranya bergejala, laporkan secepat mungkin menerusi MySejahtera, lakukan pengasingan sendiri sekiranya positif COVID-19, patuh perintah pengawasan di rumah dengan melengkapkan penilaian sendiri dalam MySejahtera, selain maklum kepada kontak rapat.

"Dapatkan rawatan dan pemeriksaan segera sekiranya gejala bertambah buruk. Bagi golongan berisiko tinggi segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan," katanya.

Strategi ketiga, pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi.

Dr Dzulkefly menjelaskan semua fasiliti kesihatan dan hospital sudah bersedia menghadapi sebarang peningkatan kes COVID-19.

Strategi keempat, pemerikasaan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan.

"Perkongsian data melalui media massa, kenyataan media KKM, selain menggerakkan inisiatif Malaysia Sihat," katanya.

Strategi kelima, pendigitalan sistem kesihatan pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera.

Menjelaskan, Menteri Kesihatan berkata, MySejahtera akan merangkum dan menggerakkan semua dari sudut pengurusan kesihatan dalam bentuk digital, termasuk pelaporan keputusan ujian sendiri, Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di

Rumah (HSO) secara digital dan pemberian janji temu vaksin.

Dr Dzulkefly berkata demikian pada sidang media khas mengenai COVID-19 di KKM, Putrajaya, semalam, yang turut dihadiri, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Jangkitan COVID-19 menyaksikan peningkatan kepada 20,696 kes untuk tempoh 10 hingga 16 Disember lalu, iaitu peningkatan sebanyak 8,000 kes berbanding minggu sebelumnya.

Pada 3 hingga 9 Disember lalu, sebanyak 12,757 kes dilaporkan di seluruh negara dengan 11 kematian.

Secara keseluruhan, Dr Dzulkefly berkata, biarpun berlaku lonjakan kes baharu COVID-19 seperti dilaporkan, keadaan semasa di Malaysia masih terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan sebagai langkah kawalan, rakyat mengambil serius hal penjagaan kesihatan, termasuk mengamalkan pemakaian pelitup muka di kawasan awam yang tertutup dan sesak.

"Bagi mereka yang bergejala, digalakkan melakukan penilaian sendiri tahap kesihatan serta dinasihatkan agar tidak hadir ke mana-mana kawasan yang sesak dan menjadi tumpuan ramai."

Tiada varian baharu dikesan

KKM juga menggalakkan pengambilan vaksin COVID-19 dos tambahan terutama kepada golongan yang berisiko tinggi.

Sementara itu, Ketua Peng-



arah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan memaklumkan tiada varian baharu dikesan membabitkan pelancong luar negara khususnya dari China.

"Kita melakukan pemantauan. Tidak ada varian baharu, yang kita temui hanya membabitkan varian sedia ada iaitu Omicron dan sub varian Omicron," katanya.

Mengulas lanjut mengenai keputusan tidak melaksana PKP, Dr Dzulkefly berkata KKM harap dapat menghadapi peningkatan kes tanpa mengenakan sebarang se-

katan pergerakan.

Menteri Kesihatan juga memberi jaminan fasiliti kesihatan di seluruh negara ketika ini sudah bersedia untuk menerima sebarang kemungkinan berlaku peningkatan kemasukan pesakit ke hospital.

"KKM sedang memantau rapi kapasiti hospital melalui Bed Management Unit (BMU) dan bersedia dengan lonjakan kapasiti.

"Ini termasuk fasiliti kesihatan lain, termasuk milik universiti, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), swasta dan NGO (badan bukan kerajaan)," katanya.

Dos penggalak boleh diambil di klinik, temu janji MySejahtera

Kuala Lumpur: Individu yang ingin mendapatkan dos vaksin penggalak boleh terus berkunjung ke klinik kesihatan atau membuat temu janji menerusi aplikasi MySejahtera.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, juga memberi jaminan bekalan vaksin ketika ini mencukupi untuk menampung keperluan rakyat susulan lonjakan kes baharu COVID-19.

"Stok-vaksin kita mencukupi. Kita menggalakkan sesiapa

yang mahu, untuk ambil. Stok kita cukup terutama untuk keperluan mereka yang mempunyai risiko atau komorbiditi.

"Pengambilan vaksin sekarang ini sangat mudah. Boleh 'walk in' (berkunjung) ke klinik atau buat temu janji (di aplikasi MySejahtera). Kita bagi kemudahan untuk mendapatkan vaksin tambahan (penggalak)," katanya pada sidang media di kementeriaannya di Putrajaya, semalam.

Turut hadir pada sidang me-

dia itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut menjangkakan trend lonjakan kes baharu COVID-19 ketika ini akan berterusan untuk beberapa minggu akan datang.

"Kes akan terus meningkat sebab ini fenomena global. KKM akan terus memantau supaya situasi terus terkawal.

"Apabila berlaku lonjakan kes, ianya akan berakhir dalam

empat hingga enam minggu (sebelum kembali menurun)," katanya.

Pada sidang itu, Dr Dzulkefly turut menjelaskan tiada keperluan buat masa ini untuk menyediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Pada sidang media itu, Dr Dzulkefly memaklumkan, sebanyak 20,696 kes baru dicatatkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 50/2023 dari 10 Disember hingga 16 Disember; peningkatan 62.2 peratus berbanding

ME 49/2023.

Katanya, majoriti kes iaitu 97 peratus adalah membabitkan kategori satu dan dua, sementara kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 151 kes, di mana 96 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Kes kematian sebanyak 28 kes dengan yang tertinggi dalam kalangan mereka berumur 60 tahun ke atas (85 peratus) dan yang mempunyai komorbiditi (93 peratus)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Lonjakan kes COVID-19

Tahap bahaya varian baharu belum dipastikan

Data penjujukan kecil tidak cukup untuk analisis secara menyeluruh

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tahap bahaya varian baharu COVID-19 belum dapat dipastikan terhadap orang ramai memandangkan hanya sejumlah kecil data penjujukan mengesan varian ini dalam kalangan individu positif.

Ketua Jabatan Sains Bioperubatan, Institut Perubatan dan Pergiangan Termaju, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata varian ini turut dikesan dalam sampel air buangan di Amerika Syarikat, sekali gus menggambarkan bahawa ia dominan dalam kitaran manusia.

"Bagaimanapun lokaliti di mana varian ini didapati aktif, belum ada beban atau sebarang tanda bahaya kepada sistem kesihatan seperti kadar kemasukan ke hospital atau Unit rawatan

Rapi (ICU).

"Mungkin berdasarkan hal ini, varian ini belum dikategorikan sebagai varian membimbangkan (VOC)," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Dr Muhammad Amir berkata, data dari penjujukan genome mendapati varian ini mengandungi lebih daripada 35 residu amino asid yang berubah berbanding virus XBB.1.5.

"Magnitud perubahan yang lebih kurang sama diperhatikan antara Omicron asal-BA.1 dengan varian terdahulu iaitu Delta.

"Justeru, tidak dapat dipastikan lagi magnitud kesan varian ini terhadap kadar transmisi sekiranya mudah berjangkit, namun berdasarkan perubahan amino asid yang agak tinggi dan signifikan berbanding varian terdahulu, dikhawatiri akan ada impak terhadap imuniti, terutama isu antibodi," katanya.

Vaksin beri perlindungan

Bagaimanapun, beliau berkata, kesan vaksin daripada versi terdahulu atau jangkitan semula jadi daripada varian terdahulu jangka masih memberi perlindungan sehingga tahap tertentu walaupun keberkesanannya menurun disebabkan oleh varian baharu ini.



Warga emas mendapatkan suntikan vaksin penggalak COVID-19 secara sukarela di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Klinik Kesihatan, Jalan Perak di Georgetown, semalam.

(Foto Zuhainy Zulkiffi/BH)

"Bagaimanapun, hal ini masih dalam penyiasatan saintifik. Oleh itu, Kementerian Kesihatan (KKM) boleh kembali mengaktifkan pemantauan kemasukan kes COVID-19 ke hospital dan ICU dan kes kematian akibat COVID-19.

"Kadar ini penting bagi kerajaan menentukan langkah berikutnya kerana perlu ada nilai

ambang sebelum menentukan langkah keselamatan awam lain yang perlu dilaksanakan.

"Pada masa yang sama, orang awam terutamanya golongan rentan disarankan agar mempraktikkan langkah pencegahan dengan memakai pelitup muka apabila berada di tempat yang tertutup dengan kehadiran orang ramai," katanya.

Talian hotline CAC, CPRC sudah ditamatkan

Kuala Lumpur: Talian hotline bagi Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) serta Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM) yang kembali 'mendapat permin-taan' susulan peningkatan kes COVID-19, sudah ditamatkan sejak 1 Julai lalu.

Berdasarkan makluman sebelum ini dalam hantaran melalui laman sosial KKM, Kementerian itu mengumumkan kedua-dua talian hotline itu sudah ditamatkan. "Berikutan itu, sekiranya mempunyai pertanyaan lanjut berkenaan COVID-19, orang ramai boleh menghantar e-mel ke: cprc@moh.gov.my.

"Untuk pertanyaan berkenaan MySejahtera, sila gunakan Interactive Helpdesk dalam aplikasi MySejahtera," menurut kenyataan KKM dalam hantaran itu.

Hantaran itu boleh dilihat di https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid0HEITVegm6k6qY1dqwEoaDPZQukTHnJdNhGVuQSFf6iBSPm9P3DUpcaNY1sHKL&id=100064560379224&mbextid=Nif5oz.

Kelmarin, BH melaporkan talian hotline bagi CAC yang diwujudkan kerajaan ketika pandemik COVID-19 memuncak beberapa tahun lalu untuk memudahkan rakyat melakukan penilaian gejala, difahamkan tidak boleh diakses.

Talian 03-77239299 itu dikatakan mula dihubungi orang ramai untuk mendapatkan nasihat berkaitan COVID-19.

Penumpang LRT mula ambil langkah berjaga-jaga

Kuala Lumpur: Penumpang transit aliran ringan (LRT) mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai pelitup muka, susulan peningkatan jangkitan COVID-19.

Tinjauan di LRT di ibu negara semalam mendapati orang ramai menggunakan pelitup muka walaupun masih tidak gusar dengan peningkatan kes penyakit itu.

Pesara perkhidmatan awam, Rokiah Rasul, 64, beliau tidak kisah walaupun jangkitan COVID-19 naik kerana mengambil beberapa jenis vitamin untuk menguatkan sistem imun.

"Saya juga menerima suntikan vaksin sebanyak tiga kali. Walaupun begitu, kita tetap perlu menjaga keselamatan diri. Contohnya memakai pelitup muka di tempat yang sesak.

"Saya cuma risau sekiranya ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti beberapa tahun lalu, ramai yang akan terkesan. Kita dah ada pengalaman dengan PKP. Jika dilaksanakan

kembali, pasti ekonomi akan bertambah teruk terutamanya kepada individu yang bekerja sendiri," katanya.

Peniaga, Nurul Wardah Abdul Nashir, 39, pula berkata, beliau mula mengamalkan penjarakan fizikal, walaupun belum ada arahan khusus untuk melakukan sedemikian.

"Saya sedar kes sedang meningkat. Kita perlu memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal. Selain itu, kita juga perlu menjaga kesihatan dan kebersihan.

"Saya selalu pergi ke tempat yang padat, tetapi bukan pada waktu puncak untuk mengelak daripada berselisih dengan orang ramai. Saya harapkan COVID-19 dapat ditangani. Sekiranya tidak, kita tidak dapat menjalankan kegiatan seperti biasa," katanya.



Nurul Wardah

Sementara itu, seorang pekerja swasta yang tidak ingin dikenali berkata pelitup muka bukan sahaja perlu dipakai ketika COVID-19 meningkat, malah penting kerana negara kerap terdedah dengan jerebu.

"Tanpa pelitup muka kita akan menghadapi kesukaran untuk bernafas. Selain itu, pelitup muka ini perlu kerana selain daripada COVID-19 ramai di antara rakan sekerja saya yang dijangkiti penyakit selepas demam virus. Jadi, lebih baik kita mencegah penyakit daripada merawat," katanya.

Kelmarin, sejumlah 20,696 kes COVID-19 dilaporkan di seluruh negara antara tempoh seminggu bermula 10 hingga 16 Disember lalu, meningkat hampir 8,000 kes berbanding minggu sebelumnya.



Antara penumpang LRT memakai pelitup muka ketika menggunakan pengangkutan awam di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Sadiq Sani/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : BISNES

Lonjakan kes COVID-19

‘Negara tidak boleh laksana PKP sekali lagi’



“Saya tidak rasa fasiliti kesihatan kita akan terjejas seperti dahulu kerana kita lebih bersedia kali ini dan tidak ada keperluan untuk mengadakan PKP seperti dahulu”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pensyarah
Ekonomi Putra
Business School



Sekatan beri impak buruk kepada ekonomi, perlu belanja besar pacu pertumbuhan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
✉ hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia tidak boleh melaksanakan sekali lagi sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awal pandemik COVID-19 kerana impaknya yang terlalu buruk terhadap ekonomi dan perbelanjaan besar yang diperlukan bagi memulihkan semula pertumbuhan negara, kata penganalisis ekonomi.

Dalam masa yang sama, pengalaman kerajaan bersama rakyat menguruskan penularan virus

itu membolehkan kemudahan kesihatan negara kini lebih bersedia untuk menangani kenaikan kes COVID-19.

Pensyarah Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata peruntukan untuk sektor kesihatan dinaikkan kepada RM41.2 bilion dalam Belanjawan 2024, justeru langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan adalah memastikan peruntukan berkenaan digunakan sebaik-baiknya.

“Saya tidak rasa fasiliti kesihatan kita akan terjejas seperti dahulu kerana kita lebih bersedia kali ini dan tidak ada keperluan untuk mengadakan PKP seperti dahulu,” katanya kepada BH.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara pada awal 2020 menyebabkan krisis kesihatan dan ekonomi negara yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2020 menguncup sebanyak 5.5 peratus, iaitu penguncupan paling besar sejak Krisis Kewangan

Asia pada 1998.

Sebanyak lapan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM530 bilion dilaksanakan pada 2020 dan 2021 untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan meringankan beban rakyat yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Kerajaan juga melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN), iaitu hala tuju yang menggerakkan Malaysia untuk keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 dengan selamat.

Ambil Langkah berjaga-jaga

Sementara itu, Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, turut sependapat dengan menyatakan bahawa kerajaan tidak perlu melaksanakan semula PKP.

Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa semua rakyat perlu menangani peningkatan kes COVID-19 dengan mengambil langkah berjaga-jaga termasuk memakai pelitup muka, sanitasi dan tidak bersesak.

“Mungkin elok dipertimbangkan dos tambahan walaupun ramai sudah divaksin yang mana 90 peratus telah mendapatkan dua dos vaksinasi. Hal ini kerana, virus ini akan sentiasa bermutasi seperti suntikan selsema yang diambil setiap tahun,” katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, pada sidang media khas semalam menegaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk melaksana sebarang sekatan termasuk PKP susulan peningkatan mendadak kes COVID-19 ketika ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang melaksanakan lima langkah dan strategi dalam menghadapi peningkatan jangkitan ketika ini.

Sebanyak 20,696 kes baharu COVID-19 direkodkan sepanjang Minggu Epidemiologi 50 (10 hingga 16 Disember 2023).

Perkembangan itu menunjukkan peningkatan sebanyak 8,000 kes berbanding minggu sebelumnya.

“Mungkin elok dipertimbangkan dos tambahan walaupun ramai sudah divaksin yang mana 90 peratus telah mendapatkan dua dos vaksinasi. Hal ini kerana, virus ini akan sentiasa bermutasi seperti suntikan selsema yang diambil setiap tahun”

Samirul Ariff Othman,
Perunding Kanan
Global Asia
Consulting



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

Shah Alam: Kementerian Pendidikan Tinggi akan membuat ketetapan sebaik menerima arahan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) susulan peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan kebelakangan ini. Ini termasuk keperluan pengajian secara dalam talian bagi mengekang penularan Covid-19 di kalangan pelajar institusi pe-

Kementerian Pendidikan Tinggi tunggu arahan KKM

ngajian tinggi. Menteri Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, pihaknya tidak akan membuat sebarang keputusan mendahului KKM. "Universiti hendaklah (buat keputusan) berasaskan apa yang dimaklumkan dan diarahkan oleh KKM. "Kita tidak boleh buat ke-

putusan sendiri tanpa merujuk terlebih dahulu kepada KKM mengenai apa yang dinasihatkan atau diarahkan akan dijadikan panduan untuk kita ikuti seterusnya," katanya ketika ditemui di Majlis Perasmian Penutup Debat Diraja Antara Institusi Pengajian Tinggi 2023 Edisi ke-24 di

Universiti Teknologi Mara, di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan sejumlah 20,696 kes Covid-19 dilaporkan di seluruh negara antara tempoh seminggu bermula 10 hingga 16 Disember lalu, meningkat hampir 8,000 kes berbanding minggu sebelumnya.

Tiada kewajipan ambil dos penggalak

Kuala Lumpur: Tiada arahan atau kewajipan untuk seluruh rakyat Malaysia mengambil suntikan dos penggalak vaksin Covid-19, seperti yang tular di media sosial ketika ini, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil.

Beliau yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) buat masa ini, hanya menggalakkan pengambilan dos penggalak ketiga vaksin Covid-19, terutama bagi golongan rentan dan berisiko tinggi.

"Ini sedikit salah faham yang berlaku akibat media sosial, sebelum kita sebar maklumat, tolong pastikan kandungan sebenar, ada kalanya antara tajuk dan isi kandungan dia agak berbeza, dan saya sarankan supaya kita teliti dahulu (kandungan)," katanya kepada media di Wisma Bernama, semalam.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan agensi berita Xinhua yang turut dihadiri Ketua Pengarang Bernama (yang juga menangung tugas Ketua Pegawai Eksekutif) Nur-ul Afida Kamaludin.

Turut hadir Pengerusi Bernama Datuk Seri Wong Chun Wai.

Fahmi berkata, beliau akan bertemu Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bagi menyarankan Dr Dzulkefly untuk mengadakan perjumpaan dengan ketua pengarang akhbar dan media di negara ini, dalam memperjelas isu ber-

kaitan dos penggalak ter-

babit. Berhubung isu dakwaan bahawa warganegara China yang menyertai dan mendapat pas bagi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) layak mendapat status penduduk tetap (PR) negara ini, Fahmi berkata, perkara itu hanyalah fitnah dan tohmahan tidak berasas, yang dilemparkan pihak tidak bertanggungjawab.

Fahmi berkata, adalah jelas dan nyata bahawa sesiapa pun yang ingin mendapat kewarganegaraan Malaysia, perlu melalui proses dan saringan ketat.

"Kerajaan akan jamin keadaan terkawal dan tidak mudah untuk kita dengan begitu sahaja menyerahkan atau mengurniakan status kewarganegaraan, kepada sesiapa sekali pun," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media kononnya seorang menteri didakwa membuat pengumuman bahawa warganegara China yang menyertai dan mendapat pas bagi program MM2H, layak mendapat status PR negara ini.

Dilaporkan, Ahli Parlimen Masjid Tanah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Datuk Mas Ermeyati Samsudin membuat kenyataan itu di aplikasi X, selepas mendakwa 'mendengar cerita' berkaitan perkara itu.

Fahmi berkata, beliau kesal kenyataan itu dibuat Pengerusi PAC sendiri, yang mempunyai kuasa dan hak untuk memanggil dan mendapatkan penjelasan di Parlimen, namun gagal berbuat demikian.

Tidak cadang PKP

KKM nekad tangani kes Covid-19 walaupun kes mendadak

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan tidak bercadang untuk mengulangi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang berlaku pada awal pandemik Covid-19.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya berharap kes Covid-19 ini dapat ditangani walaupun Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes yang mendadak.

"Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes Covid-19 yang mendadak.

"KKM berharap situasi ini dapat ditangani tanpa perlu mengulangi sekatan seperti PKP yang berlaku pada awal pandemik Covid-19," katanya pada sidang media khas, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, 20,696 kes baharu dicatatkan pada Minggu Epidemiologi 50



DR Dzulkefly (dua dari kanan) pada sidang media khas berhubung perkembangan terbaru Covid 19 di Dewan Kementerian Kesihatan Putrajaya. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

daripada 10 hingga 16 Disember 2023.

Beliau berkata, ia adalah peningkatan 62.2 peratus berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi 49.

"Majoriti 97 peratus lagi adalah kategori satu dan dua. Manakala kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi ialah 151 kes yang mana 96 kes memerlukan alat bantuan pernafasan dan kes kematian adalah 28 kes dengan kadar kematian 0.1 peratus," katanya.

Kata beliau, jumlah ke-

matian tertinggi dalam kalangan kes yang berumur 60 tahun ke atas adalah 85 peratus dan yang mempunyai komorbiditi adalah 93 peratus.

Beliau berkata, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan Covid-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web KKMNOW di <https://data.moh.gov.my>.

"Data ini akan dikemaskini secara mingguan," katanya.

Selain itu, katanya, bagi menghadapi lonjakan kes

Covid-19, KKM memperkuatkan Pelan Pengurusan Covid-19 melalui lima strategi utama.

Katanya, strategi itu adalah pengesanan awal kes Covid-19 dan varian SARS-CoV-2 selain pemerkasaan komuniti melalui amalan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, dan Seek).

Strategi lain katanya, adalah pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes Covid-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi.

Kuala Lumpur: Peningkatan kes Covid-19 menjadikan pemakaian pelitup muka yang sebelum ini semakin dilupakan sekali lagi mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Tinjauan mendapati, ramai yang memakai pelitup muka di tempat awam.

Pelatih latihan industri di Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Amal Norazam, 22, berkata, pemakaian pelitup muka penting sebagai langkah berjaga-jaga memandangkan kes jangkitan Covid-19 semakin meningkat.

"Saya memilih sentiasa

Orang awam kembali amal pemakaian pelitup muka

memakai pelitup muka kerana sering menggunakan pengangkutan awam. Keadan sangat sesak terutama pada waktu pagi dan petang.

"Memang pemakaian pelitup muka tidak diwajibkan, tetapi kita juga perlu sentiasa berjaga-jaga.

"Saya lihat ramai yang tidak memakai pelitup muka, mungkin mereka rasa tidak selesa," katanya.

Sementara itu, pegawai bank, Zarina Sulaiman, 40-an, berkata, musim cuti sekolah dan perayaan menjadi faktor utama peningkatan kes Covid-19.

"Jika kita lihat rekod kes terdahulu, peningkatan berlaku kebanyakannya selepas sambutan keramaian.

"Saya kurang setuju dengan individu tidak memakai pelitup muka terutama

berada di tempat sesak sedangkan mereka tahu Covid-19 masih wujud.

"Sikap ini tanpa sedar menyusahkan banyak pihak, tanpa sedar mereka pembawa Covid-19," katanya.

Zarina menasihati orang ramai supaya tidak pergi ke lokasi berisiko, terutama kepada ibu bapa yang ingin membawa anak bercuti sempena cuti sekolah.



TINJAUAN orang awam kembali memakai pelitup muka di tempat awam atas dasar langkah berjaga-jaga.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan tidak bercadang kuat kuasa semula PKP

KKM laksana 5 strategi kekang Covid

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD
 FUAD dan RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan lima strategi utama bagi mengekang penularan semula jangkitan virus Covid-19 yang melanda negara ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, lima strategi itu melibatkan pengesanan awal kes Covid-19 dan varian SARS-CoV-2, pemerkasaan komuniti melalui amalan TRIS (*Test, Report, Isolate, Inform, dan Seek*).

"Strategi lain, pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes Covid-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi.

"Ia turut melibatkan, pemerkasaan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan dan pendigitalan sistem kesihatan dalam pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera," katanya pada sidang akhbar khas berhubung Covid-19 di sini semalam.

Dr. Dzulkefly berkata, KKM juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan antaranya elak kawasan yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak dekat.

Tambahnya, tiada keperluan ketika ini untuk melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun terdapat peningkatan ketara jangkitan.

"Kerajaan mengakui bahawa wujudkan peningkatan kes dalam negara dan berharap agar situasi ketika ini boleh dilalui tanpa sebarang sekatan yang berlaku sebelum ini.



PENGUNAAN pelitup muka amat digalakkan ketika berada di kawasan sesak bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. – GAMBAR HIASAN



ORANG ramai disarankan untuk memaklumkan tahap kesihatan di aplikasi MySejahtera. – GAMBAR HIASAN

"Ada bertanya, jadi kita jelaskan tanpa perlu mengulangi sekatan seperti PKP.

"Jadi, bagi hadapi lonjakan kes, KKM menetapkan lima strategi kesiapsiagaan dalam menghadapi peningkatan kes Covid-19 seperti pengesanan awal melalui sistem Amaran Awal atau *Heightened Alert System*," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak supaya mematuhi peraturan sedia ada dan digalakkan untuk memakai pelitup muka ketika berada di kawasan sesak.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pihaknya menjangkakan unjuran

peningkatan kes Covid-19 pada hujung bulan ini dan awal 2024 ekoran Krismas, tahun baharu serta cuti sekolah.

Katanya, jangkakan peningkatan kes itu merupakan salah satu fenomena global di mana semua negara sedang berdepan situasi sama.

"Kita jangkakan akan naik, bagaimanapun KKM akan terus memantau supaya situasi itu terkawal. Selalunya ia akan berakhir dalam tempoh empat hingga enam minggu.

"Jadi, kita harap langkah yang dibuat akan dapat mengawal (kes Covid-19), seterusnya berjaya mengurangkan jangkitan kes," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Agong berkenan saksi persiapan misi ketiga Ops Ihsan



AL-SULTAN ABDULLAH (tengah) meninjau persiapan terakhir bantuan Ops Ihsan sebelum diterbangkan ke Gaza pagi tadi. - AMREE AHMAD

SEPANG - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli bagi menyaksikan persiapan terakhir misi bantuan Ops Ihsan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam.

ia melibatkan penghantaran kali ketiga bagi membawa keperluan perubatan dan kelengkapan musim sejuk daripada Malaysia kepada penduduk Palestin di wilayah Gaza.

Kehadiran Al-Sultan Abdullah disambut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Al-Sultan Abdullah dipersembahkan taklimat oleh Pengarah Sortie Ops Ihsan, Datin Azura

Ibrahim sebelum tayañgan lagu runut misi itu dan melawat barangan kemanusiaan.

Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Mohamad Alamin serta disaksikan Duta Besar Palestin ke Malaysia, Walid Abu Ali.

Kesemua sumbangan tersebut dengan berat 60 tan diterbangkan menerusi sebuah pesawat MASkargo yang disewa khas oleh kerajaan pada pukul 2 pagi tadi.

Penghantaran julung kali dilakukan pada 3 November lalu yang melibatkan berat 20 tan dilepaskan oleh Ahmad Zahid diikuti kali kedua seminggu kemudian dengan berat 16 tan.

Menurut Ahmad Zahid, pelaksanaan Ops Ihsan yang dilan-

carkan sekitar Oktober lalu disifatkan beliau sebagai berjaya, memastikan segala bantuan kepada rakyat Palestin tiba dengan selamat tanpa berlakunya sebarang masalah.

Katanya, inisiatif Ops Ihsan dilihat berupaya memastikan setiap gerak atur proses bantuan lebih tersusun.

"Kerjasama yang julung kali diadakan ini ternyata berhasil, malah kolaborasi itu sebaiknya berjaya mengelakkan pertindihan atau penyelewengan bantuan kemanusiaan.

"Malah, ia menjadi efektif kerana ada seliaan Kementerian Luar dan berjaya membuktikan keberkesanan pengurusan sumber serta kepakaran pelbagai yang lebih baik," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

KKM tidak cadang laksanakan PKP

Tangani Covid-19 dengan perkukuh lima strategi utama

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang untuk mengulangi sekatan seperti perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam usaha mengekang lonjakan jangkitan Covid-19.

Sebaliknya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian akan memperkukuhkan Pelan Pengurusan Covid-19 melalui lima strategi utama.

"Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes Covid-19 yang mendadak. Ini kita akui.

"KKM harap situasi ini dapat dilalui tanpa perlu mengulangi sekatan seperti PKP yang berlaku pada awal pandemik Covid-19 dahulu," katanya ketika sidang

akhbar khas di sini pada Isnin. Menurutnya, strategi tersebut melibatkan pengesanan awal kes Covid-19 dan varian SARS-COV-2 melalui sistem amaran awal.

"Ini sangat penting di mana kita sentiasa memantau situasi menerusi sistem amaran awal," katanya.

Beliau berkata, pemantauan akan turut dilakukan terhadap penyakit seperti influenza (ILI) dan pesakit jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) serta persekitaran air kumbahan dalam komuniti dan pintu masuk antarabangsa.

"Kita akan berjaga-jaga dan ia adalah salah satu dari strategi yang digariskan," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, KKM juga bersedia menghadapi ledakan jumlah kemasukan pesakit Covid-19.

"Kesiapsiagaan itu bukan hanya melibatkan fasiliti kementerian iaitu hospital dan klinik kesihatan sahaja malah turut membabitkan hospital pengajar, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan swasta.

"Kementerian sedang memantau rapi kapasiti hospital



Dr Dzulkefly (dua dari kanan) ketika sidang akhbar khas Covid-19 di Putrajaya pada Isnin.

melalui unit pengurusan katil dan bersedia dengan pelan strategi lonjakan kapasiti," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar segera melakukan ujian pengesanan Covid-19 secara sendiri sekiranya bergejala.

"Jangan ambil mudah terutamanya jika kita mempunyai komorbiditi iaitu tekanan darah tinggi, kanser dan diabetes,"

katanya.

Mengulas mengenai angka jangkitan Covid-19, beliau berkata, sebanyak 20,696 kes baharu dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME50) iaitu 10 hingga 16 Disember.

"Ia meningkat sebanyak 62.2 peratus berbanding jumlah kes dilaporkan.

"Daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 20,077 kes atau 97

peratus berada pada kategori satu dan dua.

"Seramai 151 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) di mana 96 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, bagi tempoh sama, sebanyak 28 kes kematian dilaporkan melibatkan 85 peratus pesakit berusia 60 tahun ke atas dan 93 peratus mempunyai komorbiditi.

Orang ramai boleh walk in ambil vaksin

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mengambil dos penggalak ketiga vaksin Covid-19 secara walk in.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, prosedur pengambilan vaksin itu juga boleh dilakukan secara temu janji menerusi aplikasi digital, MySejahtera.

"Nak walk in di klinik kesihatan boleh, nak buat temu janji pun boleh, kita (KKM) beri kemudahan.

"Stok vaksin masih mencukupi buat masa ini terutama untuk mereka yang mempunyai risiko atau berkomorbiditi tinggi," katanya.

Dr Muhammad Radzi turut menambah, pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku peningkatan kes menjelang minggu cuti tahun baharu, cuti sekolah dan Hari Krismas akan datang.

"Bagaimanapun, KKM akan terus memantau perkembangan kes Covid-19 termasuk varian baharu agar situasi berada dalam keadaan terkawal.

"Kita harap dengan langkah pencegahan yang dibuat ini akan membantu penurunan kes Covid-19," ujar beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, KKM tidak bercadang untuk membuka semula pusat pemberian vaksin (PPV) buat masa ini.

"Tiada keperluan untuk melakukan pendekatan sebegitu memandangkan keadaan Covid-19 dalam negara masih terkawal.

"Individu yang mahu mengambil suntikan vaksin boleh hadir ke klinik kesihatan atau hospital terdekat," katanya.

Tiada arahan wajibkan semua rakyat dapatkan dos penggalak

